

18 DEC 1996

Mahathir-komposit (Gambar)

PM: MALAYSIA PERLU GUNA LEBIH BANYAK PRODUK BAHAN KOMPOSIT

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Malaysia perlu menceburi perniagaan merekabentuk produk bahan komposit yang pesat berkembang kerana ia merupakan ciri penting dalam pembuatan kapal terbang, termasuk pesawat tentera, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata bahan komposit kini digunakan dalam pesawat tentera yang menggunakan teknologi canggih.

Malaysia, kata Perdana Menteri, perlu mempunyai kemampuan untuk mengguna dan mengeluarkan bahan komposit bagi tujuan penyelidikan.

"Saya yakin barangan bahan komposit akan menjadi bahan masa depan," katanya di majlis menandatangani perjanjian antara Airod Sdn Bhd dan ShinMaywa Industries Ltd, Jepun di Carcosa Seri Negara di sini.

Di bawah perjanjian itu, kedua-dua syarikat akan bekerjasama dalam merekabentuk dan memasang bahagian-bahagian dan komponen pesawat khususnya pesawat Boeing 777.

Ia juga membolehkan Airod terlibat dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan merekabentuk komponen dan alat ganti bagi kesemua model kapal terbang Boeing, McDonnell Douglas dan jet Gulfstream.

Presiden Airod, Datuk Ahmad Johan menandatangani bagi pihak syarikat pembaikpulih pesawat itu manakala ShinMaywa diwakili oleh pengarah bahagian kapalterbang, Takaoki Kiho.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu memasuki bidang pembuatan kapal terbang secara "perlahan-lahan".

Katanya, dengan mengeluarkan produk bahan komposit menerusi usaha sama dengan syarikat-syarikat asing, Malaysia akan mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan pesawat sendiri, malahan roket.

"Bagi menghasilkan alat-alat komposit di sini, adalah penting untuk menubuhkan pakatan dengan syarikat-syarikat yang telah mempunyai kepakaran," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia memiliki kemampuan untuk mengeluarkan produk bahan komposit bagi roket-roket syarikat France' Arianspace.

--BERNAMA

ES OBA